



Rancangan Pembangunan Ekonomi Negeri Melaka ke Arah Melakaku Maju Jaya 2020 - 2035

SLOGAN "Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia" yang dirangka oleh kerajaan Melaka memperlihatkan hala tuju komprehensif dalam memastikan pelaksanaan pembangunan dan sosioekonomi dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat serta memacu pertumbuhan ekonomi Melaka.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md. Ali, yang dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka ke-12 pada 9 Mac lalu, bertekad membawa Melaka ke satu dimensi baharu, khususnya dalam aspek pembangunan yang menyeluruh di negeri tersebut. Untuk mendapatkan gambaran berhubung dengan perancangan strategik tersebut, *Dewan Masyarakat (DM)* mewawancara Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose. Beliau merupakan Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka, merangkap Presiden Majlis Profesor Negara.

DM: Bagaimana Profesor Datuk melihat perancangan pembangunan ekonomi Melaka yang sedang dirancang oleh kerajaan negeri sekarang, dan apakah tumpuan utama yang diberikan?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Sebagai anak jati Melaka, saya berasa amat berbangga dan teruja dengan perancangan pembangunan yang sangat komprehensif dan strategik yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri di bawah pimpinan Datuk Seri Utama Sulaiman. Saya juga berasa amat gembira kerana dijemput untuk bersama-sama pasukan pentadbiran negeri, ketua agensi, wakil industri dan pakar akademik untuk bersama-sama terlibat dalam memberikan idea dan

pandangan untuk menghasilkan pelan perancangan pembangunan Melaka untuk tempoh 15 tahun.

Perancangan ini dibahagikan kepada tiga fasa utama yang menumpukan kepada perancangan jangka pendek, iaitu untuk tahun 2020-2025 (untuk tempoh lima tahun), jangka sederhana, iaitu 2020-2030 (10 tahun) dan jangka panjang, iaitu 2020-2035 (15 tahun) dengan menggunakan kerangka "Melaka Rumahku" dengan visi untuk menuju negeri lestari berasaskan lima matlamat utama, iaitu teknologi, keusahawanan, revolusi industri dan ekonomi, antarabangsa dan sejahtera (T.E.R.A.S.). Beberapa pemboleh daya (*enabler*) juga turut dikenal pasti termasuk aspek keterangkuman dan kesalinghubungan; kemapanan ekonomi; kecanggihan teknologi hijau, pintar dan pendigitalan; keberdayaan modal insan; keutuhan budaya dan warisan; dan keihsanan dan integriti.

Dari segi pendekatannya, strategi yang dibangunkan ini turut merujuk keberadaan dan senario semasa dengan menyentuh segala aspek kehidupan rakyat dan pencapaian Melaka. Angka utama serta petunjuk prestasi digunakan termasuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), nisbah pendapatan mengikut kawasan dan kaum, jumlah pelaburan semua sektor, kebergantungan makanan, pasaran buruh dan pengangguran, serta pendidikan.

Terdapat lapan portfolio yang diberikan tumpuan untuk merancang strategi dan mengenal pasti pelan tindakan masing-masing, termasuk perancangan ekonomi, kewangan, pembangunan tanah, pantai dan sungai, pengurusan air, hal ehwal agama, perindustrian dan pelaburan, teknologi multimedia dan komunikasi, dan agensi berkaitan kerajaan (GLC).

Untuk tujuan itu, sebanyak 39 strategi utama diketengahkan oleh lapan portfolio yang disokong dengan lebih daripada 100 pelan tindakan dengan jangka masa dan sasaran pencapaian masing-masing. Secara ringkasnya, pelan strategik pembangunan Melaka memberikan tumpuan kepada agenda untuk meningkatkan pencapaian



Raduan Che Rose

ekonomi negeri, melestarikan pembangunan fizikal dan sumber manusia, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan kualiti kehidupan, merapatkan jurang pencapaian untuk memastikan nasib dan kehidupan rakyat Melaka terbela.

Bersesuaian dengan sifat perancangan itu sendiri dan mengambil kira dinamik persekitaran ekonomi, sosial dan politik negara dan antarabangsa pada masa kini dan masa hadapan, beberapa pelan kontingensi dan alternatif yang sesuai juga turut disediakan. Di samping itu, pelan ini juga perlu mengambil kira peruntukan kewangan, sumber tenaga serta kemudahan yang terdapat secara langsung atau tidak langsung oleh pihak kerajaan Melaka.

DM: Apakah kayu ukur “Melakaku Maju Jaya” yang inklusif dan apakah hasil yang dijangkakan?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose:

Perancangan untuk mencapai pembangunan yang konklusif itu sendiri ialah multidimensi sifatnya. Pertama, dari segi proses perancangan dan pembuat keputusan sendiri yang melibatkan hampir semua pihak pemegang taruh (*stakeholders*) yang mengizinkan pandangan diterima daripada pelbagai pihak dan sudut pandangan. Jika dilihat dari segi sasaran pencapaian pembangunan, hal ini turut meliputi segenap lapisan dan segmen masyarakat termasuk pelbagai kaum dan latar belakang, bandar dan luar bandar, generasi muda dan tua, pendapatan rendah, menengah dan tinggi, serta meliputi semua sektor ekonomi negeri dan rakyat.

Kemajuan yang inklusif itu hanya akan diperoleh apabila perancangan dan pelaksanaan program yang diperkenalkan memberikan kesan untuk merapatkan jurang pelbagai lapisan dan segmen masyarakat yang terlibat. Selain itu, jika dilihat dari sudut pencapaian, sasaran yang diletakkan melebihi sedikit daripada tahap standard kebangsaan, yang sekali gus memastikan Melaka dan rakyatnya tidak hanya menjadi pengikut, tetapi sebaliknya perlu menjadi antara yang terbaik dan dalam banyak perkara perlu menjadi peneraju dalam pencapaian negara.

Hal ini juga termasuk dalam aspek pertumbuhan ekonomi, tahap pencapaian sektor pelancongan, kadar literasi remaja yang mencecah 99.5 peratus, kadar pengangguran dan kadar kemiskinan rendah, kelestarian alam dan sungai, dan tempat paling selamat untuk didiami di Malaysia. Sejak Oktober 2010, Melaka juga telah diisytiharkan sebagai Melaka Maju yang menjadikannya bertaraf negara maju mengikut indeks yang dibangunkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Malahan, berdasarkan status Melaka sebagai bandar raya bersejarah di rantau ini, kita juga ingin melihat pencapaian pembangunan Melaka setaraf dengan negara lain di dunia khususnya dalam aspek budaya dan kesenian, artifak dan arkeologi, di samping peninggalan sejarah yang mampu meraih pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan badan lain dunia.

Secara ringkasnya, pendekatan inklusif juga menitikberatkan kebertanggungjawaban bersama-sama semua pihak, dari aspek perancangan, pelaksanaan, serta keberhasilan program yang dijalankan. Hal ini amat perlu bagi menentukan pencapaian ekonomi mapan di Melaka, dengan sasaran pendapatan per kapita USD15 ribu setahun.

DM: Slogan “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia” telah dilancarkan pada Julai lalu, pada pandangan Profesor Datuk, bagaimanakah sasaran ini dapat direalisasikan?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose:

Slogan ini merupakan suatu mantera yang boleh dijadikan sebagai panduan pemikiran semua pihak di Melaka, khususnya sesuatu yang memandu pemikiran pemimpin, pentadbir dan pelaksana dalam apa-apa juga tindakan yang ingin dilakukan. Mantera ini juga dikaitkan dengan visi dan misi pentadbiran kerajaan Melaka dengan matlamat utama untuk memastikan Melaka mencapai tahap kemajuan yang boleh membahagiakan rakyat dan menarik masyarakat dari seluruh dunia untuk melawat dan berkongsi pencapaian serta keindahan yang dibangunkan serta dipelihara di Melaka.

Keperluan asas yang bakal menentukan pencapaian matlamat ini termasuklah peruntukan kewangan bagi menjayakan semua rancangan yang dibuat. Hal ini berkait rapat dengan kemampuan kewangan kerajaan negeri dan kedudukan kewangan kerajaan pusat.

Begitu pun, matlamat ini hanya akan tercapai dan dapat direalisasikan apabila semua pihak menghayati dan memberikan sumbangan dalam kapasiti dan peringkat masing-masing. Hal ini juga banyak bergantung pada tahap koordinasi dan kerjasama antara pelbagai pihak, agensi dan jabatan yang perlu menjadikannya sebagai matlamat bersama-sama.

Selain itu, kita juga perlu menyedari bahawa kemajuan dan kejayaan banyak bergantung pada kestabilan politik dalam negara dan negeri, keamanan dan kestabilan pentadbiran, dan juga keupayaan kewangan dan sumber tenaga.

DM: Perancangan pembangunan Melaka menetapkan elemen 5K, iaitu Komunikasi, Kolaborasi, Koordinasi, Kompetensi dan Kongsi Matlamat Bersama-sama. Bagaimanakah elemen ini dapat sampai kepada rakyat Melaka?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Dalam perancangan dan pelaksanaan pengurusan strategik, elemen 5K itu dapat dianggap sebagai strategi dan pendekatan yang diperlukan untuk menjayakan sesuatu sasaran. Jika disusun dan dilaksanakan secara teratur, elemen ini mampu memberikan hasil yang sangat efektif, berkesan dan pada tahap yang optimum.

Dari aspek komunikasi contohnya, suatu medium perhubungan yang berkesan perlu dibangunkan bukan sahaja untuk penyampaian maklumat antara semua pihak secara sehalu, tetapi tahap komunikasi yang berkesan termasuk mendapatkan maklum balas serta menerima pandangan daripada semua pihak secara menyeluruh, iaitu 360 darjah.

Sementara itu, tahap kolaborasi dan koordinasi yang tinggi akan membolehkan sesuatu fungsi dijalankan dengan mendapatkan sumbangan

daripada semua pihak berdasarkan kemampuan dan kebolehan yang ada dalam sistem pentadbiran yang lebih meluas skopnya. Secara langsung, strategi ini akan membolehkan penjimatan kos, penggembleran kepakaran yang pelbagai, serta menjadi sumber semak dan imbang yang efektif. Dalam proses itu, akan turut melibatkan peningkatan kompetensi dalam kalangan pegawai yang terlibat melalui perkongsian pengalaman dan pembelajaran secara silang jabatan. Peningkatan kompetensi juga perlu dilakukan dengan mengamalkan dan mempelajari amalan terbaik negara dan dunia secara langsung dan tidak langsung.

Bagi menentukan elemen 5K sampai dan dilaksanakan oleh seluruh rakyat Melaka, satu pusat kawalan pada peringkat negeri perlu diwujudkan dan dimulakan dengan pembangunan sumber maklumat pangkalan data raya (*big data*) yang boleh membantu pembuatan perancangan dan keputusan dan menjayakan program e-kerajaan yang lebih cekap.

DM: Menjadikan Melaka sebagai destinasi pelaburan terpenting di rantau Asia, bagaimanakah hal ini dapat dijayakan?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Melaka merupakan sebuah negeri kecil berkeluasan 1650 kilometer (km) persegi dan penduduk mencecah hampir satu juta orang. Namun demikian, Melaka sangat terkenal dengan aktiviti pelancongan dan kegiatan sektor perkilangan dalam menjana ekonomi negeri. Dengan kedudukan itu, sangat penting bagi kerajaan Melaka untuk memberikan penekanan kepada usaha menjadikan Melaka sebagai destinasi pelaburan penting di Asia, khususnya dalam kedua-dua sektor ekonomi tersebut.

Antara perkara yang perlu diberikan perhatian bagi menjayakan matlamat tersebut adalah dengan menyediakan infrastruktur yang bertaraf antarabangsa, sistem sokongan yang efektif dan mesra pelabur, menentukan prasarana utiliti yang berkapasiti tinggi dan lestari, sistem pengangkutan yang baik, tenaga kepakaran dan profesional yang terlatih,

teknologi dan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang terkini untuk menyokong ekonomi digital, meningkatkan usaha dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), persekitaran yang selamat dan kondusif, dan aspek keselamatan dan keharmonian yang tinggi. Dalam banyak hal, seluruh sistem dan perkhidmatan yang terdapat di Melaka perlu dipertingkatkan untuk mencapai tahap antarabangsa.

Dua projek utama kawasan ekonomi baharu, iaitu Melaka Waterfront Economic Zone seluas 15 ribu ekar dan Pembangunan Kawasan Bandar Hijau dalam radius lima km yang berada dalam fasa pembangunan dijangka akan menjadi pemangkin untuk menarik pelabur baharu ke Melaka. Pakej galakan pelaburan ini perlu dipusatkan dan dijadikan modal untuk misi penggalakan pelaburan dan perdagangan keluar negara, di samping perkhidmatan secara dalam talian yang perlu dilakukan bersama-sama dengan agensi lain.

DM: Apakah strategi utama yang akan dilakukan dalam usaha untuk memperhebat lagi pelancongan di Melaka?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Secara umumnya, kita perlu menerima hakikat bahawa Melaka mempunyai kelebihan dari segi reputasi khasnya dalam aspek keunikan dan sejarah yang panjang yang menjadikannya istimewa dalam aspek pelancongan. Walaupun Melaka mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan negeri yang lain, reputasi Melaka boleh dianggap mencapai tahap yang setara untuk mewakili negara secara keseluruhannya. Selain mempunyai kelebihan dari aspek sejarah, kepelbagaian budaya dan kesenian, menu makanan, lokasinya yang terletak di selatan Semenanjung, iaitu berdekatan dengan Singapura dan pertengahan arah ke ibu negara juga mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Dari segi prasarana utama sektor pelancongan, kemudahan hotel yang pelbagai tahap – sederhana, pertengahan, mewah dan premium, merupakan sesuatu yang dapat memenuhi

permintaan pelancong daripada pelbagai lapisan. Hal ini juga, dilengkapkan dengan sistem pemasaran pada peringkat tempatan dan antarabangsa secara dalam talian yang berupaya menarik pelancong dari serata dunia.

Dalam tempoh yang sama, penekanan juga perlu diberikan kepada aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan. Aspek ini perlu dilakukan secara menyeluruh sehingga mencapai tahap negara maju dan dijadikan budaya dan cara hidup seluruh rakyat Melaka. Perlu juga ditekankan bahawa usaha penggalakan pelancongan ini dilakukan dengan penyertaan semua pihak, khususnya pemain industri, pihak perniagaan, hotel dan juga peniaga kecil.

DM: Bagaimanakah rakyat Melaka berhadapan dengan pandemik COVID-19, khususnya dari aspek ekonomi?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Kita amat menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberikan cabaran yang sangat besar kepada semua pihak, bukan sahaja di Malaysia, malahan juga di serata dunia. Begitu pun, kita amat bernasib baik kerana kadar jangkitan dan penyebaran wabak tersebut di negara ini terkawal dan pengawalan oleh kerajaan merupakan antara yang terbaik di dunia. Namun demikian, kita masih belum boleh berasa selesa dan alpa dengan kedudukan ini kerana pandemik ini juga mempunyai kemungkinan untuk menular pada tahap yang lebih besar sekiranya langkah berjaga-jaga diabaikan.

Pada peringkat negara, kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat dan semua segmen ekonomi yang terkesan. Sejumlah besar peruntukan telah disediakan bagi tujuan tersebut dan dilihat lebih baik berbanding dengan negara lain.

Di Melaka, kita dapati kesan pandemik COVID-19 amat mencabar kerana ekonomi negeri bergantung pada sektor pelancongan dan pembuatan. Lebih daripada separuh guna tenaga negeri terlibat dalam sektor ekonomi

ini. Hal ini telah menyaksikan bilangan pemberhentian pekerja yang tinggi, pemberian cuti paksaan, dan pemberhentian aktiviti khususnya bagi hotel dan kemudahan pelancongan. Dalam sektor pembuatan juga menyaksikan pemberhentian pekerja yang besar disebabkan oleh permintaan yang berkurangan, di samping sistem sokongan yang tergendala.

Kerajaan Melaka menangani isu ini dengan menubuhkan Pasukan Khas Tindakan Ekonomi Negeri untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan memperkenalkan inisiatif jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengatasinya. Hal ini telah dilakukan pada pelbagai peringkat termasuk daerah, perbandaran dan negeri dengan kerjasama semua agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

Pada pemerhatian saya, strategi yang dilakukan oleh kerajaan Melaka didapati mencakupi semua aspek kehidupan yang matlamatnya tidak lain tidak adalah untuk memastikan nasib rakyat Melaka terbelas dan pembangunan negeri tidak terbantut disebabkan oleh pandemik ini.

DM: Matlamat sifar kemiskinan menjadi agenda utama dalam pembangunan lestari, mampukah sasaran ini dicapai oleh Melaka?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Kita menyedari bahawa kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada peringkat kebangsaan telah dikaji semula dengan mengambil kira tiga aspek penetapan PGK makanan yang diperkemas daripada tahap minimum kepada tahap optimum minimum. Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi laporannya mengumumkan bahawa kadar PGK nasional ialah RM2208 sebulan bagi satu isi rumah mulai tahun 2019.

Dengan kadar baharu PGK ini, matlamat sifar kemiskinan di Melaka menghadapi cabaran yang besar kerana mengambil kira kadar pendapatan isi rumah semasa yang masih rendah. Hal yang sama juga berlaku di negeri lain

yang sememangnya mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi, termasuk dalam konteks kehidupan di kawasan bandar.

Dalam konteks perancangan pembangunan Melaka, apa-apa yang lebih penting adalah untuk menentukan agar kualiti kehidupan rakyat dapat memenuhi keperluan asas kehidupan termasuk keperluan makanan, kesihatan, keselamatan dan pendidikan. Hal ini hanya boleh dilakukan sekiranya kerajaan negeri dapat menentukan kegiatan ekonomi di Melaka dibangunkan sepenuhnya yang secara langsung memberikan peluang pekerjaan yang diperlukan.

Selain itu, kerajaan juga perlu membuat perancangan dan menggalakkan rakyat Melaka untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi sampingan yang tidak diukur sebagai pendapatan tetapi boleh memberikan keselesaan hidup, misalnya kegiatan pertanian dan penternakan secara kecil-kecilan.

DM: Apakah yang diharapkan daripada pembentangan Belanjawan 2021?

Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose: Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan pada November ini dijangka bakal menghadapi cabaran disebabkan oleh penguncupan pendapatan negara akibat pandemik COVID-19. Saya percaya hal ini akan dirangka berlandaskan empat teras utama, iaitu menentukan pertumbuhan ekonomi negara, menjaga kebajikan rakyat, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Yang pasti, sebarang kemajuan yang dicapai oleh kerajaan persekutuan dalam semua agenda pembangunannya akan memberikan limpahan faedah kepada kerajaan negeri dan rakyatnya.

Bagi kerajaan Melaka, trend belanjawan tahunan sejak tahun 2005 menyaksikan belanjawan lebihan dengan nilai hampir RM400 juta. Diharapkan trend ini akan dapat diteruskan meskipun dalam keadaan mencabar akibat pandemik COVID-19.